

BANK ISLAM TERBITKAN TRANCHE KESEPULUH SUKUK KANAN MURABAHAH RM1.0 BILION

Terbitan di bawah Program Sukuk Murabahah Bank RM10.0 bilion

KUALA LUMPUR, Selasa, [28 April 2026] – Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah berjaya menerbitkan tranche kesepuluh Sukuk Kanan Murabahah RM1.0 bilion yang merupakan sebahagian daripada Program Sukuk Murabahah berjumlah RM10.0 bilion.

Terbitan ini memperkukuh pengurusan kecairan, menyokong strategi pembiayaan jangka panjang serta mempelbagaikan sumber pembiayaan Bank. Hasil daripada pengeluaran ini akan digunakan bagi tujuan membiayai aktiviti perbankan Bank, termasuk keperluan modal kerja dan tujuan korporat am patuh Syariah yang lain.

“Kejayaan terbitan ini mencerminkan keyakinan berterusan para pelabur terhadap kekuatan kredit dan asas kukuh Bank Islam. Ia juga menegaskan pendekatan berdisiplin kami dalam pengurusan lembaran imbalan serta komitmen untuk memastikan pembiayaan yang mampan bagi menyokong pertumbuhan Bank dan keperluan pihak berkepentingan yang sentiasa berkembang, selaras dengan prinsip Syariah,” kata YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam.

Sukuk tersebut mempunyai tempoh matang tujuh (7) dan sepuluh (10) tahun, dengan penarafan AA3/stabil oleh RAM Ratings Services Bhd serta kadar keuntungan tetap masing-masing sebanyak 4.01% dan 4.10% setahun.

Bank Islam merupakan Penasihat Utama, Pengatur Utama, Pengurus Utama dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.